

24/10/2000

Rakyat dapat manfaat F1

TIADA silapnya andaian bahawa Grand Prix Formula Satu Malaysia-Petronas kelmarin adalah antara langkah pemasaran terbaik untuk `menjual' Malaysia ke seluruh dunia. Dengan siaran langsung perlumbaan dipancarkan ke 130 negara yang dianggarkan ditonton hampir 400 juta peminat, manfaatnya amat besar kepada negara, baik untuk jangka pendek mahupun jangka panjang. Malah, selepas dua tahun berturut-turut menganjurkannya, termasuk meraih anugerah penganjur paling cemerlang tahun lalu, nama Malaysia akan terus meniti dari bibir ke bibir di kalangan masyarakat antarabangsa.

Selain menjana RM1 bilion hasil tukaran asing dengan kedatangan pelancong, sebagaimana diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, perlumbaan sebesar itu - tambahan pula sebagai penutup musim - turut memberikan Malaysia lonjakan imej yang amat menguntungkannya. Perlumbaan F1, dengan 17 sirkit dipertandingkan setiap musim, hanya berlangsung di negara terpilih yang memiliki keupayaan menganjurkannya dengan cemerlang selain dilengkapi kemudahan secanggih kereta lumba yang bersaing. Tiada negara mundur yang diberikan peluang dan tidak juga negara Arab yang kaya dengan hasil minyaknya. Selain Jepun yang menganjurkan perlumbaan di Suzuka, Malaysia cumalah antara dua negara Asia yang beroleh penghormatan demikian.

Apakah maknanya semua ini kepada Malaysia? Pastinya pengiktirafan antarabangsa yang akan menggalakkan kedatangan lebih ramai pelancong selain mengukuhkan keyakinan pelabur asing untuk menanam modal di negara ini. Manfaatnya tidak hanya dinikmati oleh peminat sukan bermotor, malah rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

(END)